

Pemeriksaan wanita agenda penting negara - PM

Oleh OMAR ZIN

utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memberi jaminan bahawa pemeriksaan wanita akan terus menjadi salah satu agenda penting negara.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menyifatkan, usaha itu memerlukan komitmen yang tinggi daripada semua pemegang taruh bagi menjayakannya.

"Saya percaya bahawa agenda pemeriksaan wanita merupakan tanggungjawab bersama semua pihak dan bukan dipikul oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sahaja.

"Justeru, saya menyeru agar perspektif wanita sentiasa diambil kira dalam penggubalan dasar dan perancangan program bagi memastikan wanita mendapat ruang dan peluang yang adil dalam pembangunan negara," katanya sempena sambutan Hari Wanita 2022 yang bertemakan Saksama Bersama.

Katanya, usaha pemeriksaan wanita boleh dilihat berdasarkan Skor Malaysia dalam Indeks Jurang Gender Global 2021 apabila Malaysia berjaya merapatkan jurang dalam sub-indeks pendidikan dan kesihatan.

Pada masa sama, Ismail Sabri berkata, kerajaan telah mengumumkan pelbagai bentuk bantuan melalui Belanjawan 2022 antaranya RM230 juta dana pembiayaan melalui Program Dananita di bawah Mara dan Tekunita di bawah Tekun, Program MyKasih Kapital serta sumbangan RM5 juta kepada Yayasan Kepimpinan Wanita.

Sebagai usaha mengiktiraf peranan wanita dalam proses membuat keputusan dan memperkukuh kepimpinan serta keberkesanan lembaga pengarah, Ismail Sabri berkata, kerajaan melalui Suruhanjaya Sekuriti (SC) akan mewajibkan pelantikan sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita bagi semua syarikat senaraian awam. "Cadangan ini dijangka berkuat kuasa pada 1 September 2022 bagi syarikat bermodal besar dan 1 Jun 2023 bagi syarikat tersenarai lain," katanya.

Dalam aspek keselamatan dan perlindungan sosial terhadap wanita, Ismail Sabri berkata, kerajaan mengambil inisiatif menambah pusat sokongan sosial setempat dan dibantu oleh Skwad Waja yang



ISMAIL Sabri Yaakob diiringi Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Harun (kanan) dan timbalannya, Datuk Siti Zailah Mohd. Yusoff (kiri) menyampaikan Anugerah Khas Tun Fatimah kepada Presiden Persatuan Usahawan Wanita Antarabangsa Malaysia (IWEM). Norazizah Borhan sempena sambutan Hari Wanita 2022 di Kuala Lumpur, semalam.

"Saya menyeru agar perspektif wanita sentiasa diambil kira dalam penggubalan dasar dan perancangan program bagi memastikan wanita mendapat ruang dan peluang yang adil dalam pembangunan negara."

ISMAIL SABRI YAAKOB

melaksanakan program kesedaran komuniti.

"Kita juga memperkasa Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan pelaku jenayah terhadap wanita diambil tindakan yang tegas dan pantas," katanya.

Selain itu, bagi memastikan kesihatan wanita terus terpelihara, Ismail Sabri berkata, kerajaan juga memperuntukkan lebih RM11 juta



ISMAIL Sabri Yaakob menyokong kempen Hentikan Keganasan Rumah Tangga sempena Hari Wanita di Kuala Lumpur, semalam.

sebagai subsidi ujian mamogram kepada wanita berisiko tinggi dan melaksanakan ujian saringan kanser serviks kepada wanita.

"Tidak dilupakan juga remaja wanita turut mendapat perhatian daripada kerajaan yang mana kit asas kebersihan diri diedarkan secara percuma kepada 130,000 remaja wanita golongan B40 setiap bulan sepanjang tahun 2022," katanya.

Namun, bagi memastikan wanita Malaysia terus diperkasa, Ismail Sabri mengumumkan enam inisiatif sempena Hari Wanita 2022,

antaranya penubuhan Majlis Wanita Negara dan pelaksanaan Rang Undang-Undang Anti Gangguan Seksual.

Beliau turut mengumumkan bahawa Institusi Hakam di bawah Mahkamah Syariah akan dimantapkan lagi, sebagai satu kaedah untuk memudah dan mempercepatkan proses perceraian dalam kalangan pasangan Islam.

"Kaedah ini diperkenalkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia bagi mengatasi masalah kes-kes perbicaraan berkaitan

perceraian yang mengambil masa sehingga memudaratkan pasangan yang ingin bercerai," katanya.

Dalam proses pasca perceraian, kata Ismail Sabri, kerajaan akan memudahkan wanita mendapatkan nafkah berbentuk kewangan daripada suami melalui proses perundangan.

"Kerajaan melalui Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia turut memperkenalkan Akta Pembiayaan Kewangan yang mana pihak bank boleh membekukan akaun bank suami atas arahan mahkamah.

"Pihak bank juga dibenarkan membuat bayaran daripada akaun suami yang telah dibekukan tersebut kepada isteri sekiranya isteri ada membuat tuntutan yang melibatkan wang ringgit di Mahkamah.

"Kaedah ini dikenali sebagai Hiwalah," katanya.

Bagi inisiatif kelima, ketua jabatan dan pengurusan tertinggi semua organisasi digalakkan untuk membenarkan wanita yang kematian suami bekerja dari rumah dalam tempoh bersesuaian bagi membolehkan urusan keluarga serta penjajalan suami diselesaikan.

Ismail Sabri turut mewajibkan pelaksanaan Sambutan Hari Wanita pada 8 Mac setiap tahun di semua peringkat sama ada Persekutuan mahupun negeri bagi menghargai dan mengiktiraf peranan dan sumbangan wanita.